

→ VIRAL DI FB

Potong rumput tambah duit poket

[FOTO ROSELA ISMAIL/BH]

→ 3 pelajar UPM tak mohon dana universiti, mahu bekerja sendiri

Oleh Faizatul Farhana Farush Khan
ffarhana@bh.com.my

▀ Serdang

“Kami bekerja sambil sebagai pemotong rumput kerana mahu menambah duit poket untuk keperluan pengajian dan perbelanjaan diri.

“Ia sama sekali bukan disebabkan kemiskinan sampai tiada duit makan atau tidak dibantu universiti,” tegas pelajar Tahun Dua Ijazah Sarjana

Muda Perkhidmatan Makanan, Universiti Putra Malaysia (UPM), Muhammad Naquiuddin Afiq Hapie Hazli, 21.

Kisah Muhammad Naquiuddin Afiq bersama dua rakannya dari universiti berkenaan iaitu pelajar Tahun Satu Ijazah Sarjana Muda Sains Pertanian, Muhammad Ariff Abdul Razak, 20, dan Mohamad Suhaimi Che Darus, 20 (pelajar Tahun Satu Ijazah Sarjana Muda Ekonomi) yang bekerja sebagai pemotong rumput sejak bulan lalu, kini menjadi viral di media sosial.

Disalah tafsir

Ia berikutan kandungan whatsapp dihantar tiga sahabat itu untuk mempromosi perkhidmatan disalah tafsir, malah diubah pihak tertentu sehingga menggambarkan seolah-olah mereka ‘miskin tegar’.

Lebih mengecewakan apabila keadaan itu memberi imej buruk ke-

pada UPM kerana didakwa tidak prihatin dalam membantu aspek kewangan pelajar susah.

Muhammad Naquiuddin Afiq berkata, idea memulakan perkhidmatan berkenaan tercetus ketika dia dan dua rakannya itu yang menginap di kolej kediaman sama terlihat rumput di sekitar kawasan ketika duduk berbual santai.

“Berkongsi modal RM550, kami bertiga membeli mesin dan menggunakan motosikal sendiri sebagai pengangkutan untuk memulakan perniagaan,” katanya ketika ditemui di UPM, di sini, semalam.

Muhammad Naquiuddin berkata, biarpun mereka memerlukan wang tambahan untuk pengajian dan sedia maklum UPM ada menyediakan bantuan dana, mereka tidak memohonnya kerana mampu bekerja, malah sedar ramai pelajar yang lebih susah.



Muhammad Naquiuddin Afiq (kiri) bersama dua rakan mengambil upah memotong rumput di sekitar UPM, Serdang.